



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

JPA SANTUNI PESARA SEBAGAI TANDA MENGHARGAI JASA DAN PENGORBANAN MEREKA KEPADA NEGARA

SUNGAI PETANI, 9 JULAI 2026 – Pesara kerajaan yang telah mencurahkan khidmat dalam pelbagai bidang sepanjang tempoh perkhidmatan mereka terus disantuni menerusi **Program Santuni Pesara** anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berlangsung di sekitar Sungai Petani, Kedah hari ini.

Program yang diketuai oleh **YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)** itu melibatkan sesi ziarah ke kediaman empat orang pesara kerajaan yang pernah berkhidmat dalam pelbagai sebagai Pemandu Kenderaan, Pegawai Waran Dua, Juruteknik dan Pekerja Rendah Awam. Program ini bertujuan menzahirkan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan mereka, di samping memastikan kebajikan serta kesejahteraan pesara terus diberi perhatian.

Bagi pelaksanaan kali ini, keutamaan diberikan kepada pesara yang berdaftar di bawah pangkalan data **e-Kasih**. Melalui kerjasama strategik bersama pelbagai agensi, keperluan pesara dapat dikenal pasti dengan lebih tepat bagi membolehkan bantuan dan intervensi diselaras secara lebih bersasar mengikut keadaan serta keperluan semasa mereka.

Menurut **YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri**, jasa dan pengorbanan pesara merupakan sebahagian daripada asas yang membentuk perkhidmatan awam negara hari ini dan sewajarnya terus dikenang serta dihargai. **"Setiap pesara telah mencurahkan bakti dan pengorbanan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Walaupun telah menamatkan perkhidmatan, sumbangan mereka kepada negara akan sentiasa dihargai. Program seperti ini bukan sahaja menzahirkan penghargaan, malah membolehkan kita mendengar sendiri keadaan dan keperluan mereka supaya kebajikan serta kesejahteraan pesara terus dipelihara."**

Program Santuni Pesara dilaksanakan dengan kerjasama **Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)**, **Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Negeri Kedah** serta **Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Utara (INTURA)**. Kerjasama ini mencerminkan pendekatan **Whole-**

of-Government dalam memastikan kebajikan pesara terus diperkasa melalui penyelarasan bantuan dan sokongan secara lebih menyeluruh, bersepadu dan berkesan.

JPA akan terus memperkukuh inisiatif yang menyokong kesejahteraan komuniti pesara selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI**, sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang telah menyumbang bakti kepada negara serta memainkan peranan penting dalam membentuk perkhidmatan awam yang dinikmati pada hari ini.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 9 Julai 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (48)